



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

NO. 4A1-8A1, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG, JALAN BANDAR,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM.



43

Rujukan : LPJ/IP/OPS/24(43)

Tarikh : 02/04/2013

Ketua Pegawai Eksekutif
Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd.
Aras 3, Bangunan Pentadbiran Tanjung Langsat Port
Jalan Tegar, Kompleks perindustrian Tanjung Langsat
P.O Box 160
81700 Pasir Gudang, Johor
Malaysia

Faks: 07-251 2692

Tuan,

PEMBAYARAN CAJ JETI PERSENDIRIAN KEPADA PENGUSAHA / (PEMILIK) JETI PERSENDIRIAN BAGI PIHAK LEMBAGA PELABUHAN JOHOR


Adalah dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Bersama ini disertakan **Notis Pelabuhan Bil 15/07/2013** yang
menerangkan berkenaan perkara tersebut.

Sekian, terima kasih.

"PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN"

Saya yang menurut perintah,


(RAFIDAH BINTI MOHD ALI)
Pengurus Operasi dan Trafik
UNIT OPERASI DAN TRAFIK
b.p. Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Johor
@lpj.gov.my

No Kotak: No Dokumen: 139286

02 APR 2013

139286
LPJ/IP/OPS/24(43)

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG) : 07-253 4000 (TEL.)
: 07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS) : 07-507 1978 (TEL.)
: 07-507 1976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA : 02-6545 3230 (TEL.)
: 02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB : <http://www.lpj.gov.my>



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

NO. 4A1-8A1, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG, JALAN BANDAR,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM.



NOTIS PELABUHAN KEPADA PENGGUNA-PENGGUNA DAN PENGUSAHA (PEMILIK) JETI PERSENDIRIAN (TANJUNG LANGSAT PORT SDN. BHD.)

TARIKH : 1 APRIL 2013

NOTIS PELABUHAN : Bil 15/02/2013

PERKARA : **PEMBAYARAN CAJ JETI
PERSENDIRIAN KEPADA PENGUSAHA /
(PEMILIK) JETI PERSENDIRIAN BAGI
PIHAK LEMBAGA PELABUHAN JOHOR**

TARIKH BERKUAT KUASA NOTIS : 1 April 2013

Dengan hormatnya, merujuk kepada perkara di atas dan Notis Pelabuhan Bil 13/02/2012 bertarikh 4 April 2012 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. telah dilesenkan di bawah Seksyen 3 (2) (v) Akta Lembaga - Lembaga Pelabuhan 1963, sebagai pemilik jeti bagi menjalankan aktiviti pengendalian kargo petroleum dan gas bagi tujuan simpanan, pengadunan dan eksport semula. Semua pengguna jeti tersebut akan dikenakan caj jeti persendirian pada kadar tetap (*flat rate*) RM0.25 per tan sehala semasa import / discharge sahaja.

3. Sehubungan dengan itu, Tanjung Langsat Port Sdn. Bhd. adalah diberi kebenaran untuk mengutip dan membuat tuntutan Caj Jeti Persendirian bagi pihak Lembaga Pelabuhan Johor daripada pihak pemilik kapal (*vessel account*) dan pihak perkapalan atau penerima konsain (*shipper/consignee's account*) seperti mana yang telah ditetapkan di dalam Undang-Undang Kecil LPJ (Skala Caj) 2011. Kadar caj jeti persendirian bagi pemilik kapal (*vessel account*) dan pemilik kargo (*shipper/consignee's account*) adalah seperti mana jadual di bawah:-

No.	Jenis Kargo	Import		Eksport	
		Vessel Account (RM)	Shippers Account (RM)	Vessel Account (RM)	Shippers Account (RM)
1.	Petroleum dan Gas	0.125	0.125	-	-
2.	Lain -lain Kargo	0.50	0.50	0.50	0.50


4. Tambahan daripada di atas, penetapan caj jeti persendirian bagi pengendalian kargo biodiesel akan ditentukan oleh Lembaga berdasarkan kepada MSDS (*Material Safety Data Sheet*) yang perlu diserahkan bagi setiap pengendalian kapal yang memasuki Tanjung Langsat Port.

5. Notis pelabuhan ini adalah hanya terpakai bagi pengguna – pengguna di Pelabuhan Tanjung Langsat sahaja.

Sekian, terima kasih.

“PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN”

Yang benar,


(MUHAMMAD RAZIF AHMAD)
Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Johor
